

## Konflik Wanita dalam Drama Popular yang Diadaptasi daripada Novel

### A Woman Conflicts in a Popular Drama Adapted from a Novel

Nor Hasimah Ismail\*, Marzalina Mansor, Melor Fauzita Md. Yusoff

*Universiti Utara Malaysia.*

#### ABSTRAK

Konflik jiwa wujud kerana perbezaan hasrat, kehendak, keinginan diri, kemahuan dengan realiti kehidupan. Hal ini berlaku kerana seseorang mengalami konflik jiwa apabila pemikiran dan perlakuan yang dihajati tidak disukai oleh orang sekeliling. Perbezaan ini menyebabkan berlakunya konflik jiwa yang hebat. Kini adaptasi novel ke drama menjadi pilihan semasa. Adaptasi ialah penyesuaian keadaan dengan sesuatu yang baharu. Kajian ini akan merungkaikan konflik yang dialami oleh watak wanita dalam drama adaptasi daripada novel, iaitu *Rindu Awak 200%*. Watak wanita dalam karya ini mengalami banyak konflik. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini ialah mengenal pasti imej wanita yang mengalami konflik dalam karya tersebut. Seterusnya meneliti dan dianalisis berdasarkan kaedah penelitian teks. Kajian ini diharap menjadi contoh teladan berguna kepada masyarakat.

**Kata Kunci:** Adaptasi, imej wanita, konflik, masyarakat, teladan.

#### ABSTRACT

Conflicts of soul exist because of differences in dreams, self-desires and the needs from the reality of life. This happened when someone experiences a life conflict especially when the desired thoughts and acts are not accepted by the people around him or her. This difference leads to a great mental conflict. Nowadays, novel adapted dramas are popular. Adaptation is the adaptability of the situation with something new. This study will confront the conflicts experienced by female characters in the adaptation of drama from the novel, *Rindu Awak 200%*. The character of the woman in this drama has experienced a lot of conflicts. Accordingly, the objective of this study is to identify the image of a woman who has conflicts in the drama using text assessment. This study is hoped to become an example for the society.

**Keywords:** Adaptation, image of women, conflict, society, example.

## 1.0 PENGENALAN

Konflik berpunca daripada hati yang sudah rosak menyebabkan manusia hilang arah, kecewa, putus asa, resah gelisah, putus harap dengan Tuhan, Aqidah menjadi terlalu lemah dan tidak merasakan Tuhan boleh menyelesaikan segala masalah. Sering mengalami perasaan kacau-bilau, malahan terasa kekosongan di hati, rasa rendah diri (*inferiority complex*), tidak rasa diawasi oleh Tuhan dan tidak sabar dengan dugaan hidup. Justeru itu, berbagai-bagai penyakit jiwa telah berlaku. Ekoran daripada itu, tindakan di luar kawalan dan di luar batasan kemanusiaan telah berlaku. Hal ini menyebabkan wujudnya masalah konflik. Razali Mat Zain (1989:20) menyatakan bahawa konflik merupakan sesuatu yang lumrah kepada seseorang atau sesebuah organisasi. Konflik membawa pengertian pertentangan, tiada persetujuan, kontroversi yang berlarutan antara dua pihak atau lebih yang mana kadangkala membawa kepada tidak mempunyai persetujuan sehingga ke akhirnya. Konflik juga mampu mewujudkan kerenggangan yang tidak berkesudahan kerana masing-masing ingin memenangi suatu keadaan. Keadaan ini selaras dengan fitrah kejadian manusia yang dijadikan lemah seperti yang dinyatakan Allah dalam Surah ar-Rum ayat 54 yang bermaksud:

“Allah, Dialah yang menjadikan kamu daripada keadaan lemah, kemudian Dia menjadikan (kamu) sesudah lemah itu menjadi kuat, kemudian Dia menjadikan (kamu) sudah kuat itu lemah (kembali) dan berubah.

Dalam ayat lain, Allah SWT menyatakan dalam Surah an-Nisa ayat 28 yang bermaksud,

“Manusia dijadikan bersifat lemah.”

Hal ini bermakna, proses kehidupan manusia sentiasa mengalami perubahan. Ia adalah ujian Allah SWT kepada makhluknya seperti firman Allah SWT dalam Surah al-Anbiya ayat 35 yang bermaksud,

“Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan (yang sebenarnya).”

Konflik ini amat meruntun perasaan. Sehubungan dengan itu, timbulah perkara-perkara yang tidak diingini dan masalah-masalah ini wujud dalam kehidupan manusia khususnya wanita. Apabila perbezaan hasrat ini tidak dapat diselesaikan, maka konflik akan wujud. Konflik merupakan sebuah cerminan perilaku individu dan kelompok yang dapat mempengaruhi perilaku organisasi secara keseluruhan. Tekanan-tekanan, tuntutan-tuntutan, dan ketegangan-ketegangan yang nampak datang beriringan dengan pekerjaan kita

### 1.1 Konflik Dilihat dari Pihak yang Terlibat di Dalamnya

Berdasarkan pihak-pihak yang terlibat di dalam konflik, Stoner dan Freeman (1989:393) telah membahagi konflik kepada enam, iaitu:

- i. Konflik dalam diri individu (*conflict within the individual*). Konflik ini terjadi jika seseorang harus memilih tujuan yang saling bertentangan atau kerana tuntutan tugas yang melebihi batas kemampuannya.
- ii. Konflik antara individu (*conflict among individuals*) terjadi kerana perbezaan keperibadian (*personality differences*) antara individu yang satu dengan individu yang lain.
- iii. Konflik antara individu dan kelompok (*conflict among individuals and groups*) terjadi jika individu gagal menyesuaikan diri dengan norma-norma kelompok tempat ia bekerja.

Kajian ini hanya akan melihat konflik diri individu. Bagaimana watak utama berkonflik dalam diri kerana menurut kata hati. Wanita sering mengalami konflik dalam kehidupan. Kajian ini akan meneliti watak wanita dalam drama adaptasi.

## 2.0 KAJIAN LEPAS

Kajian Rosnah Baharudin (1995) dalam tesis Doktor Falsafah di Universiti Malaya bertajuk *Wanita Dalam Novel A. Samad Said*. Kajian ini memperlihatkan perubahan kedudukan dan peranan watak-watak wanita utama dan sampingan dalam sembilan buah novel Sasterawan Negara, A. Samad Said. Perubahan-perubahan ini dikaji dalam kerangka sosiobudaya dan sejarah yang terbahagi kepada tahap-tahap sebelum perang, zaman perang, selepas perang dan selepas merdeka. Kedudukan dan peranan watak-watak wanita dikaji menggunakan perspektif feminis yang menekankan kesan serta faktor ke atas pengarang dalam pembentukan ideologi jantina yang mendasari pelukisan watak-watak wanita.

Faktor-faktor dan kesan itu termasuklah sosiobudaya, agama, pengalaman pengarang serta hubungannya dengan keluarga, wanita, masyarakat dan zaman. Menerusi perspektif feminis ini, novel-novel yang dikaji mewujudkan korelasi yang nyata di antara pencapaian pendidikan wanita dengan perubahan peranan serta peningkatan kedudukan mereka. Sehubungan dengan itu, wanita tradisi yang tidak berpendidikan sering terdedah kepada penganiayaan khususnya jika tiada perlindungan daripada keluarga, sebaliknya wanita moden yang berpendidikan dan berdikari tidak terikat dengan tuntutan keluarga dan dapat mencorakkan kehidupan mereka sendiri. Oleh itu, buruk dan baik nasib mereka dapat ditentukan sendiri

lantaran kebebasan dalam membuat keputusan sendiri. Sehubungan dengan itu, wanita moden digambarkan berjaya membaiki status hidup mereka jika mereka tidak menyeleweng daripada norma-norma sosial dan nilai agama Islam. Seterusnya, pengarang secara keseluruhannya memberikan kedudukan yang baik kepada wanita yang berpegang teguh kepada nilai-nilai tradisi seperti lemah-lembut, setia dan sabar.

Kajian di peringkat Doktor Falsafah (1995) di Universiti Malaya juga telah dilakukan oleh Yulduz Emiloglu dengan tajuk *Suara Batin Wanita: Satu Kajian Perbandingan di Antara Karya Penulis Wanita Melayu dengan Karya Penulis Wanita Mahua 1957–1982*. Kajian ini berkenaan sejarah penglibatan wanita dalam dunia penulisan di negara ini adalah lebih lewat daripada sejarah penglibatan penulis lelaki, iaitu karya-karya yang muncul sekitar tahun 30-an. Dari segi bilangan pula, penulis-penulis wanita tidak dapat menandingi penulis-penulis lelaki. Walau bagaimanapun, kemunculan yang lebih lewat dan bilangan yang kurang tidak bermakna karya-karya penulis wanita bermutu rendah. Pada hakikatnya, tanpa kesungguhan dan usaha mereka, ramai orang tidak dapat memahami suara batin kaum wanita dan melihat wajah sebenar mereka. Sejak tahun 1960, pengkritik feminism barat telah berusaha untuk mencungkil karya-karya penulis wanita yang telah terabai selama ini. Tesis ini mengkaji karya-karya penulis wanita Mahua dan Melayu. Kajian tertumpu kepada novel dan cerpen sahaja. Tempoh kajian ialah dari tahun 1957 hingga 1982.

Membunga Siti Meriam Yaacob dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah menghasilkan kajian peringkat Ijazah Kedoktoran berjudul *Tanggapan Terhadap Wanita dalam Karya Hamzah dan Keris Mas* pada tahun 2004. Kajian ini memfokuskan kepada usaha untuk mendedahkan tanggapan pengarang lelaki terhadap wanita yang dikesan melalui penulisan cerpen-cerpen mereka. Dalam penelitiannya, pengkaji memperlihatkan bahawa karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang lelaki, iaitu Hamzah dan Keris Mas jelas menggambarkan citra wanita dalam kerangka stereotaip, iaitu wanita sebagai objek seks, yang bebas bergaul, yang miskin, yang kesepian jiwanya dan yang menjadi mangsa eksplorasi. Membunga merumuskan kajiannya tahun 2004 menegaskan bahawa walaupun kedua-dua pengarang lelaki yang dikaji menampakkan perbezaan dalam penulisan mereka, tetapi mereka mempunyai tahap kecenderungan yang sama, iaitu memaparkan watak wanita yang stereotaip dan tidak berdaya saing. Sifat-sifat dalam pembinaan jasad dan jiwa wanita yang diserlahkan oleh mereka adalah cerminan wanita yang dibina di bawah kekuasaan pengaruh patriarki.

Pada keseluruhannya, kajian ini memberikan satu sumbangan penting kepada khazanah kritikan sastera, khususnya dalam kajian feminism. Penghasilannya membuktikan kegagalan pengarang lelaki dalam mengekspresikan pengalaman di dalam ‘dunia wanita’, sebaliknya hanya menyerlahkan sifat-sifat puitika dalam penulisan mereka yang stereotaip dan konvensional. Namun begitu, kajian ini tidak

memberikan tumpuan kepada persoalan-persoalan berhubung dengan tahap keupayaan dan kreativiti pengarang wanita dalam penulisan kreatif, khususnya tentang puitika wanita. Justeru, penelitian ini juga meninggalkan kekosongan yang luas untuk diterokai oleh kajian-kajian seterusnya, khususnya melalui kaedah bacaan ginokritik.

Kajian berikut oleh A. Wahab Ali bertajuk *Imej Wanita dalam Sastera* yang dikaji pada tahun 1989 dari Universiti Malaya. Kajian ini juga telah dijadikan buku dan menunjukkan pengarang novel telah mengetengahkan sikap manusia melalui watak-watak dalam novel yang dipilihnya. Novel *Badai Semalam* (1968) dan *Seroja Masih di Kolam* (1968) merupakan dua buah novel yang digarap oleh penulis wanita, iaitu Khadijah Hashim dan Adibah Amin sebagai novel yang istimewa kerana memperlihatkan kehidupan seorang wanita. Kedua-dua novel ini telah menonjolkan tentang citra wanita dengan baik. A. Wahab Ali (1989) telah menemukan tiga gambaran kehidupan yang berbeza antara satu sama lain. Tiga gambaran tersebut ialah wanita tradisi, wanita transisi dan wanita moden.

Setiap wanita yang digambarkan mempunyai kehidupan yang berbeza antara satu sama lain. Dalam novel *Salina* pula, pengkaji melihat wanita yang digarap sebagai wanita moden yang berhadapan dengan kehidupan lara dan digambarkan sebagai wanita yang melalui kehidupan yang negatif. Kehidupan yang dilalui oleh wanita ini mencerminkan kehidupan wanita yang mengalami penderitaan dalam hidup. Penderitaan hidup yang dialami oleh wanita ini digambarkan dengan kemusnahan hidup dirinya setelah diperkosa oleh tentera Jepun dan dirinya kehilangan orang yang disayangi dan dicintai.

Dua watak wanita lain dalam novel *Badai Semalam* dan *Seroja Masih di Kolam* ialah Mazni dan Nur Diana. Imej yang ditampilkan dalam novel *Badai Semalam* menampakkan wanita yang mengalami kehidupan yang lara. Kehidupan yang dilalui dan ditempuhi oleh wanita ini telah menjadikan wanita ini sebagai seorang wanita yang gigih dalam mencapai cita-cita untuk menjadi seorang doktor. Keadaan ini telah menjelaskan bahawa wanita yang menghadapi kesukaran hidup sedia menempuh berbagai-bagai halangan dan rintangan dengan sikap berdikari. Halangan yang menjadi keperitan hidup dapat ditangani dengan kesabaran serta kecekalan hidup. Kajian di atas berdasarkan dua buah novel hasil karya Khadijah Hashim dan Adibah Amin yang bertajuk *Badai Semalam* (1968) dan *Seroja Masih di Kolam* (1968).

Seterusnya, Chin He Ryun dalam tesisnya yang bertajuk *Citra Wanita dalam Novel Khadijah Hashim dan Marga T.: Satu Perbandingan* dari Universiti Malaya pada tahun 1997 menjelaskan penyelidik memilih dua penulis wanita, iaitu Khadijah Hashim dan Marga T untuk perbandingan novel. Mereka merupakan penulis novel yang terkenal dan menulis tentang masalah wanita dan kedudukan wanita di negeri

masing-masing. Penyelidik membandingkan kedudukan, masalah dan cara berfikir wanita melalui watak-watak wanita dalam kedua-dua novel tersebut dengan membandingkan situasi wanita di Malaysia dan Indonesia.

Kebiasaannya, novel membayangkan situasi masyarakat dan pemikiran penulis. Watak-watak wanita dalam novel-novel Khadijah Hashim ialah wanita yang berjaya dalam pekerjaan dan kegiatan umum. Mereka berusaha mencapai tujuan dan berani mengatasi pelbagai halangan. Walau bagaimanapun, dalam perkahwinan mereka tidak begitu berjaya. Mereka berusaha menjaga perhubungan itu tetapi masih gagal untuk mempertahankannya. Namun begitu, mereka mengatasi semua halangan itu dan akhirnya mencapai tujuannya.

Walau bagaimanapun, watak-watak wanita dalam novel Marga T. pula berusaha mencari kebahagiaan dalam rumah tangga. Mereka meletakkan kebahagiaan keluarga dan kebahagiaan sebagai ibu dan isteri sebagai tanggungjawab utama. Walaupun mereka banyak menghadapi halangan atau kesukaran, mereka tetap menjaga rumah tangga sendiri berbanding pekerjaan.

Perbezaan sifat-sifat seperti ini menggambarkan fikiran kedua-dua penulis dan pengalaman mereka. Hal ini juga menggambarkan pemikiran umum dalam masyarakat penulis. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan sejarah untuk menghuraikan perkembangan sejarah kedudukan wanita serta kegiatan penulis di Malaysia dan Indonesia sebagai latar belakang. Selain itu, pengkaji melakukan pembacaan secara teliti untuk memahami isi karya. Di sini pengkaji dapat menulis sinopsis novel-novel berkaitan dan membandingkan watak-watak dalam novel kedua-dua penulis ini. Untuk perbandingan ini, pengkaji menumpukan perhatian kepada aspek utama, iaitu kedudukan wanita untuk mencapai cita-citanya, kedudukan wanita dalam rumah tangga, hubungan dengan lelaki dan sifat keibuan wanita.

Kajian Lim Wan Loong (1991) yang bertajuk *Antologi Cerpen Eileen Chang (Zhang Ailing): Satu Kajian Tentang Perwatakan Wanita*. Objektif utama kajian ini ialah meneliti perwatakan Eileen Chang terhadap wanita utama dalam antologi cerpennya yang paling masyhur, iaitu *Antologi Cerpen Eileen Chang (ACEC) Satu Biografi*.

Kajian berikut oleh Aishah Abu Bakar (1998) bertajuk *Citra Wanita dalam Novel-novel Popular Samsiah Nor dan A. Talib Hassan (1990-an) serta penerbitnya*. Kajian ini adalah untuk meninjau citra wanita dalam 10 buah novel popular terpilih yang dihasilkan oleh dua orang pengarang, iaitu A. Talib Hassan dan Samsiah Mohd. Nor. Pendekatan yang digunakan ialah pendekatan feminisme. Analisis dibahagikan kepada kategori citra wanita tradisi, transisi dan juga moden yang memberi impak besar terhadap perubahan sikap dan arah tuju wanita tersebut. Pendidikan amat memainkan peranan besar terhadap penentuan dimensi pemikiran yang

mendorong kepada sikap mandiri dan memenuhi tuntutan cita-cita, kehidupan wanita itu sendiri. Terdapat perbezaan yang ketara antara citra wanita yang ditulis oleh penulis lelaki, iaitu A. Talib Hassan dengan citra wanita yang ditulis sendiri oleh penulis wanita, iaitu Samsiah Mohd. Nor yang ternyata lebih simpati dan lebih memahami kaum sejenisnya berbanding penulis lelaki yang lebih menjurus kepada perubahan yang dialami oleh wanita. Hasil kajian terhadap-novel-novel tersebut, didapati citra wanitanya telah mampu mengubah persepsi kendiri wanita dalam mencapai kepuasan hidup.

Seterusnya, kajian Siti Aisah bte Murad pada tahun 1998 dari Universiti Malaya dalam tesismu bertajuk *'Citra Wanita dalam Novel-novel Arena Wati'*. Tesis ini menumpukan penelitian kepada novel-novel karya Arena Wati yang memaparkan wanita sebagai watak utama dan watak pembantu. Permasalahan ini dipilih kerana perkara ini adalah satu isu umum yang menarik dan Arena Wati adalah antara penulis yang banyak membina watak wanita dalam novel-novel karyanya. Perbincangan tesis ini didasarkan kepada analisis teks novel-novel Arena Wati dengan melihat pengertian citra dalam kesusasteraan sebagai dasar penelitian. Hasil daripada penelitian teks ini dituliskan citra-citra yang tergambar dan digolongkan kepada empat kategori utama, iaitu wanita progresif, wanita merana, wanita tabah dan wanita rendah moral.

Kajian Augustine Towonsing (2003) dalam tesismu bertajuk *Fiksyen Indonesia Modern: Imej Wanita dalam Novel*. Pengkaji menjelaskan bahawa penelitian terhadap imej wanita dalam karya novel akan menganalisis watak dan perwatakan. Imej wanita dalam sesebuah karya fiksyen merupakan sebahagian daripada watak dan perwatakan yang ditonjolkan oleh pengarang melalui karya mereka. Oleh yang demikian, 'imej wanita' membawa maksud sebagai gambaran watak wanita sebagaimana yang terpapar pada pandangan pembaca. Beliau juga menyatakan bahawa daripada kaca mata pengkritik baru, watak dan perwatakan 'siapa' dan 'bagaimana' adalah bergantung pada orang-orang yang mendukung sesebuah cereka.

Novelis adalah bebas mengungkapkan pemikiran dalam diri penutur, iaitu bebas mengemukakan watak-watak dan melukiskan aksi watak berkenaan. Hal ini bermaksud bahawa imej wanita dalam sesebuah novel itu wujud hasil daripada idea pengarang yang mempunyai tujuan dan matlamat tertentu. Dalam kajian ini, beliau membincangkan imej wanita dari sudut watak dan perwatakan serta menggunakan kaedah yang pernah digunakan oleh pengkaji lain seperti Anis Sabirin, Wan Mahmud dan Siti Aisah Murad dalam membincangkan imej wanita berdasarkan pembahagian wanita mengikut kategori seperti yang telah dibuat oleh A. Wahab Ali, iaitu wanita tradisi, wanita transisi dan wanita moden.

### 3.0 KAEDEH KAJIAN

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah analisis teks. Pengkaji mendapatkan maklumat melalui rujukan seperti buku-buku, jurnal, kertas kerja majalah, artikel dan tesis. Selain itu, capaian maklumat daripada laman sesawang dan temu bual dengan pengarang novel juga dilaksanakan.

Novel yang akan dianalisis ialah *Rindu awak 200%* karya Liyana Zahim terbitan Creative Skill Solution tahun 2015 adalah novel yang diadaptasi ke drama. Drama ini telah ditayangkan menerusi Slot Akasis di TV3 pada 15 Julai 2014 hingga 1 September 2014 setiap hari Isnin hingga Khamis jam 7 malam hingga 8 malam. Drama ini dibintangi oleh Zul Ariffin sebagai hero dan Ayda Jebat sebagai heroin. Lagu tema drama ini ialah *Jaga Dia untukku* nyanyian Dato' Siti Nurhaliza. Antara Anugerah yang dimenangi oleh drama adaptasi ini ialah Anugerah MeleTOP Era ke-2 (2015), Anugerah Drama Festival Kuala Lumpur ke-2, Anugerah Bintang Popular Berita Harian ke-27, Anugerah Skrin ke-19 dan Anugerah Buku Negara.

### 4.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Trend adaptasi telah popular di barat dan kini menjadi trend di Malaysia. Adaptasi tidak seharusnya patuh pada sumber asal seratus peratus. Ada bahagian yang ditambahkan, dikurangkan, dipertahankan, dipesongkan dan dipertajamkan. Beberapa sudut pandangan novel dihilangkan dan sebahagian lagi diperkayakan (2015: 3&6).

Menurut Uthman Najati (1987) menjelaskan bahawa manusia menghadapi gangguan dan ketidakteraman jiwa apabila berlaku konflik psikis atau pertembungan antara dua jiwa manusia, iaitu jiwa yang beriman kepada Allah SWT dan jiwa yang menurut nafsu. Konflik yang banyak berlaku dalam karya ini ialah konflik diri sendiri atau intrapersonal.

Dalam novel yang diadaptasi ini plot cerita berkaitan perhubungan yang disalah erti. Hal ini berlaku sewaktu Armel yang melanjutkan pelajaran di luar negara dan berkawan dengan lelaki Inggeris.

“Selama kita *in a relation*, you cakap apa cintakan I, Sayang I. Selama ini you anggap I apa Zil?” Wajah Armel seperti udang dibakar. Raizil mengangkat bahu. Reaksinya benar-banar menjerut hati dan perasaan Armel. Tidak ubah seperti wajah antagonis yang berjaya melaksanakan misi jahat.

Raizil kejam! Raizil membunuh hatinya! Tiga tahun mereka menyulam cinta, apa semuanya memang palsu belaka? Dirinya seperti tidak ada nilai pada pemuda itu.

(Liyana: 2015: 22)

Armel menghadapi konflik apabila lelaki yang dicintai tidak menganggapnya teman istimewa sebaliknya Raizil hanya memberitahu bahawa dia hanyalah sebagai sahabat. Sebenarnya Armel sangat mengharapkan Raizil akan menjadi suaminya yang sah. Dalam hal ini, Armel menghadapi konflik kerana kehendak hatinya tidak kesampaian

Menurut Roslin Haji Shamsuri (1996:149-150), mencintai atau dicintai oleh manusia bukanlah puncak cinta atau cinta agung kerana cinta sesama manusia tidak kekal. Hal ini demikian kerana cinta yang paling lama sekadar tempoh masa kita masih hidup.

Armel terus berkonflik dalam diri apabila ibunya telah maklumkan bahawa sebaik sahaja pulang ke Malaysia dia akan dikahwinkan dengan pilihan ibunya, iaitu seorang pemuda yang berasal di kampung.

Sebaik sahaja pulang ke Malaysia dia akan dikahwinkan dengan lelaki pilihan mama dan papanya. Jiwanya terselam jauh ke dasar dalam. Mana mungkin kedua-duanya sanggup menjahanamkan masa depannya begitu sahaja. Tak mungkin!

(Liyana: 2015:18)

Pada mulanya Armel langsung tidak menyetujui cadangan ibunya. Beliau sanggup meminta ibunya memutuskan pertunangannya Raizil. Namun begitu, apabila Raizil bertembung dengan Armel sewaktu keluar dengan teman wanitanya, Armel dengan rela hati mahu berkahwin dengan Faezrul.

Armel terdiam. Tidak tahu alasan apa yang harus dinyatakan pada kedua-dua orang tuanya itu. Namun begitu, dia sudah nekad. Dalam dendamnya pada Raizil dia sanggup berkahwin dengan Faezrul untuk membuktikan betapa dia langsung tidak terkesan dengan hubungannya yang sudah terlerai itu.

(Liyana: 2015:107)

Dalam hal ini, demi membala dendam terhadap Raizil, Armel sanggup bersetuju berkahwin dengan Faezrul. Namun begitu, sebaik sahaja berkahwin dengan Fezrul, Armel masih berkonflik dengan diri. Selepas beberapa hari.

“Kita tak boleh teruskan perkahwinan ini. I sanggup berdepan dengan semua orang termasuk mama dengan papa I. *And I will make sure you will not be blamed for this. Please Faez.* I tak boleh hidup dengan you...” Armel merayu dengan linangan air mata, Diketepikan egonya waktu itu. Asalkan Fezrul bersetuju menceraikannya, dia sanggup berhadapan dengan apa juar kemerluat selepas ini.

(Liyana: 2015:121)

Armel terus berkonflik dalam diri kerana tidak suka Faez. Lagipun Armel tidak suka akan situasi dan suasana rumah mertuanya di Kampung Singkir Laut.

“Ayah teh, mak teh kena sengat tebuan,” beritahu Dayan sambil memijak seekor tebuan yang menyengat Armel.

“Macam mana boleh kena sengat?”

“Tebuan dekat pisang tadi kot, ayah teh” ujar Nadra Hani sambil membelek-belek kaki Armel.

“Kena *inject ni*,” kata Faezrul. Dilihat wajah Armel seperti sudah mahu menangis. Cepat-cepat tubuh itu dicempung lalu dibawa ke kereta.

Pernah satu hari Faezrul menyebabkan dia dikejar oleh sekumpulan angsa peliharaan jirannya. Manalah dia tahu binatang itu spesis garang seperti itu. Faezrul menipunya mengatakan haiwan itu ialah *swan* kampung. Bagai tidak cukup tanah dia berlari mendapatkan Faezrul yang galak ketawa. Saat itu serasa mahu sahaja dilempang-lempang wajah pemuda itu dengan selipar.

(Liyana: 2015:163&164)

Insiden kena sengat tebuan dan dikejar oleh sekumpulan itik angsa menjadikan Armel terus berkonflik dengan diri sendiri. Ini menunjukkan Armel tidak suka kehidupan di kampung berbanding di bandar. Armel juga menjelaskan bahawa kehidupan di kampung tidak maju berbanding kehidupan di bandar

Selain itu, Armel juga berkonflik dalam diri sendiri kerana tidak mengetahui pekerjaan suaminya:

Hati Armel mula diserang pelbagai tanggapan. Mengapa lelaki itu pergi begitu sahaja tanpa memaklumkan kepadanya lebih awal? Kerja apa yang dilakukannya sehingga berhari-hari tidak pulang ke rumah. Bila cuti, bukan main lama lagi ada kat rumah. Jari jemarinya menekan-tekan *pad* kekunci telefon bimbit. Nombor Daria dihubungi.

(Liyana: 2015:209)

Setelah Armel membaca diari Faezrul barulah dia tahu bahawa suaminya amat menyayanginya. Dia menelefon suaminya dan mahu bertemu suaminya. Beliau dimaklumkan bahawa suaminya berada di London dan petang esok akan pulang dan makan bersamanya. Armel telah menunggu suaminya di lapangan terbang.

Setelah Armel mulai menerima kehadiran suaminya, muncul pula Irene seorang wanita yang sama bertugas di tempat kerja Fezrul yang sangat sukakan suaminya. Oleh sebab Irene tidak dilayan, Irene bertindak agresif dan menikam Faezrul. Pada masa itu, Armel sudah sedar bahawa dia mula menerima dan mencintai suaminya Faezrul. Armel sangat sedih dengan insiden yang berlaku kepada suaminya. Faezrul telah dimasukkan ke hospital. Akhirnya Faezrul selamat dan mereka hidup aman dan bahagia serta dikurniakan seorang cenderamata.

Siti Norlaila Zamzuri (2008:54) menjelaskan setiap ibu pasti inginkan sesuatu yang terbaik untuk anaknya. Lantaran itu, ibu akan melakukan apa-apa sahaja yang terbaik untuk anaknya termasuk menasihati dan memahami anaknya. Hal ini demikian kerana ibu ialah insan yang paling dekat dan akrab dengan anak. Dalam situasi ini, ibu Armel bertindak mencari jodoh anaknya kerana yakin bahawa suaminya mampu membentuk Armel. Hal ini menunjukkan naluri ibu adalah tepat dan benar demi kebaikan anaknya.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Qiyamah ayat 2 yang bermaksud:

“Dan Aku bersumpah dengan jiwa yang amat menyesali (dirinya sendiri)”

Pengkaji mendapati jiwa seseorang sentiasa berkonflik apabila ada perasaan tidak puas hati. Justeru itu, dalam kehidupan seharian, hidup perlu sederhana agar kehidupan menjadi lebih sempurna. Setiap perlakuan mempunyai kaitan dengan hawa nafsu. Dalam konteks ini, orang-orang yang mengikut hawa nafsu adalah golongan yang tidak mempunyai pedoman dalam hidup, bahkan ia dianggap menyeleweng dan berdosa

## 5.0 KESIMPULAN

Setiap individu yang mengalami konflik cuba untuk menangani permasalahan yang timbul dan menghadapinya dengan tabah. Mereka perlu melakukan perkara yang baik dan diredaya Allah SWT. Apabila seseorang individu mengetahui dan beriman dengan takdir Allah SWT serta menerima setiap ujian dan dugaan itu memang sudah ditetapkan oleh Allah SWT, maka keredaan dalam diri akan wujud.

Individu Muslim wajib percaya dan mengetahui bahawa segala perkara yang berlaku di bawah kekuasaan Allah SWT, malahan perlu yakin bahawa perjalanan kehidupan seseorang sudah ditetapkan dan Allah SWT tidak akan membiarkan umatnya menurut kehendak masing-masing tanpa bimbingan-Nya.

Hal ini penting kerana apabila seseorang wanita itu berjaya menghadapi konflik, ini menunjukkan imej wanita tersebut di mata masyarakat dipandang mulia, malahan menjadi contoh teladan berguna kepada masyarakat sekitarnya. Keimanan dapat memupuk perasaan reda dan memberi kesedaran kepada individu dalam menghadapi konflik. Ini akan membentuk hati menjadi sabar, tenang dalam menghadapi dugaan yang mendatang.

## RUJUKAN

- A.Wahab Ali. (1989). *Imej wanita dalam sastera*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Kuala Lumpur.
- Augustine Towonsing. (2003). *Fiksyen Indonesia moden: Imej wanita dalam novel*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Chin He Ryun. (1997). *Citra wanita dalam novel Khadijah Hashim dan Marga T.: Satu perbandingan*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Lim Wan Loong. (1991). *Antologi cerpen Eileen Chang (Zhang Ailing): Satu kajian tentang perwatakan wanita*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Emiloglu, Yulduz. (1995). *Suara batin wanita: Satu kajian perbandingan di antara karya penulis wanita melayu dengan karya penulis wanita Mahua 1957 – 1982*. Tesis Falsafah Kedoktoran yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Muhammad Uthman Najati. (1987). *Jiwa manusia dalam sorotan Al-Quran..* Ibn Ibrahim (Penterjemah). Jakarta: Cendekia Sentra Muslim.
- Razali Mat Zain. (1989). *Teori Kepimpinan Dalam Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan & Publications.
- Rohani Hashim. (2015). *Sinema dan masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosnah Baharudin. (1995). *Wanita dalam novel A. Samad Said*. Tesis Kedoktoran Falsafah yang tidak diterbitan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Siti Aisah Murad. (1998). *Citra wanita dalam novel-novel Arena Wati*. Tesis Sarjana Sastera yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Siti Norlaila Zamzuri. (2008). *Peranan wanita dalam novel Teguh karya Noor Hayati Ibrahim*. Latihan Ilimiah yang tidak diterbitkan. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Siti Norlina Mohamad, Farahwahida Mohd Yusof, Fariza Md Sham dan Salasiah Hanin Hamjah. (2015). *Wanita & pengurusan sress menurut perspektif Islam*. Johor: Penerbit UTM Press.

Diperoleh pada Jun 12,2016, daripada

<https://lianurbaiti.wordpress.com/2015/01/21/stres-dan-konflik-dalam-manajemen/>

Diperoleh pada November 11,2012, daripada

<http://carideny.blogspot.my/2012/11/jenis-jenis-konflik-penyebab-konlik.html>

Diperoleh pada Jun 23,2017, daripada

[https://ms.wikipedia.org/wiki/Drama\\_Rindu\\_Awak\\_200%25](https://ms.wikipedia.org/wiki/Drama_Rindu_Awak_200%25)

Diperoleh pada Mac 23,2015, daripada

<http://www.sinarharian.com.my/hiburan/rindu-awak-200-bukti-kehebatan-drama-adaptasi-1.371833>

